



PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 4/2022

**SEMUA WARGA AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROSES PENDAFTARAN PELAJAR, PENGARKIBAN KURSUS DAN GUGUR PELAJAR DI
UKMFolio™**

Dengan segala hormatnya, merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, berikut merupakan tarikh bagi proses pendaftaran pelajar, pengarkiban kursus dan gugur pelajar yang telah dan akan berlaku di UKMFolio™:

Bil.	Perkara	Tarikh & Hari
1.	Proses daftar (<i>enrol</i>) pelajar Semester 3, 2021/2022 di UKMFolio™	04 Ogos 2022 (Khamis)
2.	Proses arkib bahan Semester 2, 2021/2022 di UKMFolio™	22 Ogos 2022 (Isnin, 9.00 pagi)
3.	Proses gugur (<i>unenrol</i>) pelajar Semester 2, 2021/2022 di UKMFolio™	23 Ogos 2022 (Selasa)

3. Proses yang dinyatakan di atas terpakai bagi semua kursus di Fakulti/Institut/Pusat **kecuali** bagi Fakulti Pergigian (FGG), Fakulti Perubatan (FPER), Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMSHAPE) dan kursus-kursus merentas semester, dimana hanya proses pengarkiban bahan Semester 2, 2021/2022 sahaja yang akan berlaku, walau bagaimanapun proses gugur (*unenrol*) pelajar tidak akan berlaku. Tambahan, peratus pembelajaran teradun universiti bagi Semester 2, 2021/2022 juga akan dikira melalui kursus-kursus yang telah diarkibkan.

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghpptp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctl

4. Sukacita, dimohon kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memenuhi kriteria Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) bagi semua kursus Semester 2, 2021/2022 di UKMFolio™ sebelum semua kursus ini diarkibkan pada 22 Ogos 2022 (Isnin)**. Sehubungan itu, sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Pn. Sufeera Rahmad di talian telefon: 03-8921 4651 atau e-mel: sufeera@ukm.edu.my.

Sekian, segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,



PROF. IR. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN

Pengarah

s.k: YBhg. Prof. Dr. Mohammad Kassim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YBrs. Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat

YBrs. Prof. Madya Dr. Irman Abdul Rahman
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik

AKA/dhb;Pekelling4/2022

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlit